

Wakil rakyat bertikam lidah

Sidang Dun kecoh selepas kerajaan negeri tarik peruntukan naik taraf lima pasar awam bernilai RM30 juta

NORMAWATI ADNAN

PERSIDANGAN Dun Perak, semalam kecoh apabila Adun pembangkang menolak jawapan diberikan Menteri Besar, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir berhubung penarikan semula peruntukan lebih RM30 juta bagi pembangunan lima pasar awam di Ipoh sekitar tujuh tahun lalu.

Kekecohan berlaku pada 30 minit pertama persidangan ketika Adun Pangkor itu menjawab soalan tambahan dikemukakan Adun Pasir Pinji, Lee Chu an How (DAP) berkaitan Pasar Pasir Pinji yang disifatkan tidak selaras dengan sasaran pembangunan lestari dilakukan kerajaan negeri.

Zambry berkata, ketika beliau mula-mula menjadi menteri besar, Kerajaan Persekutuan menyediakan peruntukan lebih RM30 juta sebagai cadangan bagi membina semula dan baik pulih lima pasar termasuk Pasar Pasir Pinji.

Menurutnya, sekiranya tiada bantahan diterima ketika itu, pembangunan pasar berkenaan dapat diselesaikan sejak dahulu lagi.

"Pasir Pinji membicarakan tentang masalah yang dihadapi Pasar Pasir Pinji tapi kalau YB semua masih ingat ketika saya mula-mula jadi menteri besar, kita telah kemukakan cadangan pembinaan semula serta baik pulih lima pasar termasuk yang disebutkan ini bernilai lebih RM30 juta.

"Tetapi pembangkang tolak, tidak bersetuju sehingga akhirnya peruntukan itu terpaksa ditarik balik. Jadi saya nak katakan yang bantah dahulu siapa? Nak jadi hero rakyat tapi akhirnya rakyat terbiar," katanya ketika Mesyuarat Kedua Penggal Kelima, Dewan Negeri




Perbalahan berlaku antara Zambry dan Adun pembangkang berkaitan peruntukan pasar yang ditarik balik.

Yang Ketiga Belas Perak Darul Ridzuan, semalam.

Adun Kepayang, Nga Kor Ming (DAP) kemudiannya bangkit memberitahu fakta diberikan itu sama sekali tidak berasas dan hanya bersifat tohmahan.

Situasi itu seterusnya mencetuskan keadaan saling berbalah untuk tempoh 10 hingga 15 minit antara wakil rakyat kerajaan dan pembangkang hingga Speaker Dewan, S'Thangesvari mengarahkan semua wakil dari kedua-dua belah pihak rakyat untuk duduk dan diam.

Thangesvari kemudiannya membenarkan Kor Ming membacakan Perintah Tetap (perkara) 36 yang mana seseorang ahli hendaklah menghadkan pandangan pada perkara yang dibincangkan sahaja.



Dalam pada itu, Zambry menyifatkan tindakan Adun pembangkang, Kor Ming dan Adun Sitiawan, Datuk Ngeh Koo Ham (DAP) mencelah ketika mana jawapan sedang diberikan sebagai tiada adab.

"Saya sedang menjawab soalan bukan adakan perdebatan. Telah sekian lama nampaknya masih tiada adab. Sudah diajar agar bersopan dalam persidangan tetap masih begitu. Mungkin saya kena hantar ke sekolah politik lain, sekolah politik DAP mungkin," katanya.

Bantahan diterima

Dalam sidang medianya, Zambry menjelaskan, pada 2010 kira-kira setahun selepas dilantik sebagai menteri besar, kerajaan melalui Kementerian Perumahan dan Kerataan Tempatan (KPKT) bersetuju dengan cadangan kerajaan negeri menaik taraf lima pasar lama di Ipoh iaitu Pasar Awam Gunung Rapat, Kampung Simee, Jelapang, Jalan Pasir Puteh dan Buntong dengan peruntukan keseluruhan RM33.8 juta.

Katanya, permohonan itu dibuat atas matlamat memberi keselesaan kepada rakyat dengan menjadikan keadaan pasar awam jauh lebih baik, selaras dengan keprihatinan dizahirkan Sultan Perak, Almarhum Sultan Azlan Shah pada ketika itu.

Bagaimanapun, katanya, ketika

proses rundingan berlangsung, terdapat bantahan penduduk dan peniaga yang disokong wakil rakyat pembangkang bagi menolak cadangan terbabit.

"Kita terpaksa menarik semula cadangan ini, takkanlah nak diteruskan bila banyak bantahan dikemukakan. Akhirnya sebahagian peruntukan itu kita disalurkan untuk pembinaan Pasar Awam Tanjung Rambutan pada 2014 dan Pasar Ayam Amanjaya bersebelahan Baganjaya UTC (Pusat Transformasi Bandar) yang ada sekarang," katanya.

Beliau berkata, tindakan pembangkang yang tidak dapat menerima jawapan diberikan itu mungkin kerana enggan rakyat mengetahui keadaan sebenar.

Katanya, proses rundingan dilakukan turut melibatkan penduduk dan peniaga, malah Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) telah ditugaskan untuk merancang pembangunan itu dengan mengutamakan kepentingan peniaga.

"Mungkin mereka lupa atau buar-buat lupa peristiwa itu tetapi kita punya bukti malah saya sendiri ada turun padang ketika proses rundingan berkenaan dijalankan," katanya.

Sedia berbincang semula

Dalam pada itu, Zambry berkata, kerajaan negeri sedia untuk mengadakan perbincangan semula bersama wakil rakyat terlibat sekiranya terdapat kerjasama untuk meneruskan pembangunan pasar lama yang disenaraikan itu.

"Kalau selepas ini mereka tahu tindakan dahulu salah dan nak datang berbincang, kita boleh bincang. Lagipun Adun Pasir Pinji sendiri banyak berusaha mengenai isu pasar ini.

"Ini bukan soal politik, niat kita baik untuk berikan imej baharu terhadap operasi pasar awam dalam bandar ini kerana Ipoh adalah bandar negeri kita," katanya.

Terdahulu, Chuan How berkata, sekitar dua tahun lalu, pihaknya telahpun menghantar surat kepada kerajaan negeri untuk mengadakan perbincangan semula melibatkan semua pihak bagi perancangan bina semula pasar terbabit.

Jelasnya, bantahan yang dilakukan pada 2010 lalu dilakukan peniaga dan penduduk sendiri apabila pelan pembangunan yang dirancang tidak melibatkan mereka secara langsung.



Zambry pada sidang media, semalam.



Zambry ketika membahas tentang penarikan peruntukan dalam Mesyuarat Kedua Penggal Kelima, Dewan Negeri Yang Ketiga Belas Perak Darul Ridzuan, semalam.